Mohd Zanurikmal bin Zahari & satu lagi lwn Tengku Yahya bin Tengku Mat & satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — RAYUAN SIVIL NO 11B-NCvC-30–11 TAHUN 2014
AHMAD BACHE PK
30 OGOS 2015

Tort — Kemalangan jalan raya — Kuantum — Penunggang motorsikal menyusur bahu jalan melawan arah trafik dan melanggar penunggang motorsikal lain — Tanggungan berhati-hati untuk melihat kiri/kanan sebelum keluar simpang ke jalan sehala laluannya — Sama ada jumlah ganti rugi am kecederaan RM50,000 terlampau tinggi — Sama ada selari dengan 'trend of awards'

Plaintif pertama telah menunggang motorsikal sambil diboncengi oleh plaintif kedua, menyusur bahu jalan melawan arah trafik untuk masuk ke simpang. Defendan pertama yang juga menunggang motorsikal telah berlanggar dengan motorsikal plaintif pertama. Majistret memutuskan plaintif pertama bertanggungan 80% dan defendan pertama dan kedua bertanggungan 20% kepada plaintif kedua. Oleh itu rayuan-rayuan ini. Defendan-defendan merayu terhadap kuantum manakala plaintif-plaintif memfailkan rayuan balas atas liabiliti. Isu-isu yang timbul adalah sama ada defendan pertama mempunyai tanggungan berhati-hati untuk melihat ke kiri sebelum keluar simpang ke jalan sehala laluannya; sama ada jumlah ganti rugi am kecederaan RM50,000 bagi *head injury with post traumatic syndrome, depression with cognitive impairment and benign essentially tremor* yang dibenarkan terlampau tinggi dan tidak selari dengan trend of awards; dan sama ada plaintif kedua sebagai pembonceng tidak bersalah berhak menuntut ganti rugi 100% daripada defendan-defendan atau setakat liabiliti defendan-defendan yang diputuskan iaitu 20%.

Diputuskan, membenarkan rayuan defendan terhadap keputusan kuantum dan menolak rayuan balas plaintif terhadap liabiliti:

(1) Keputusan majistret tentang liabiliti dikekalkan. Plaintif pertama menyumbang kecuaian sebanyak 80% manakala defendan-defendan hanya bertanggungan 20% sahaja. Keputusan majistret bagi kecederaan kepala diubah daripada RM50,000 kepada RM35,000. Plaintif kedua hanya berhak menuntut 20% ganti rugi daripada defendan-defendan (lihat perenggan 2).

(2) Majistret tidak khilaf apabila memutuskan plaintif pertama mempunyai tanggungan berhati-hati yang lebih besar memandangkan dia sedang melawan arus trafik. Plaintif pertama gagal memberi amaran kepada

defendan pertama tentang kehadirannya dari arah melawan arus trafik. Defendan pertama juga menanggung kecuaian tetapi ianya lebih rendah daripada plaintif kerana defendan pertama dalam laluan sahnya. Untuk meletakkan tanggungan berhati-hati secara sama rata adalah satu salah arah. Majistret tidak khilaf dalam pembahagian liabiliti plaintif pertama 80% dan defendan pertama 20% (lihat perenggan 2 & 5).

(3) Pampasan RM50,000 terlalu tinggi dan pampasan RM35,000 lebih munasabah dan selari dengan *trend of awards* (lihat perenggan 4).

[English summary

The first plaintiff was riding his motorcycle and the second plaintiff was the pillion rider, along the roadside, going against the flow of traffic to enter an intersection. The first defendant, who was also riding a motorcycle, had collided with the first plaintiff's motorcycle. The magistrate held the first plaintiff 80% liable while the first and second defendants were 20% liable to the plaintiff. Hence, the present appeals. The defendants appealed against the quantum while the plaintiffs cross-appealed against liability. The issues that arose were whether the defendant had a duty of care to look to the left before exiting the junction to the one-way road; whether RM50,000 in general damages for injury head injury with post traumatic syndrome, depression with cognitive impairment and essentially benign tremor allowed was too high and not in line with the trend of awards; and whether the second plaintiff as an innocent pillion was entitled to claim compensation of 100% from the defendants or only to the extent of the defendants' liability which was decided at 20%.

Held, allowing the defendant's appeal against the decision for quantum and dismissing the cross-appeal against liability:

(1) The magistrate's decision on liability remained. The first plaintiff's contributed 80% negligence while the defendants were 20% liable only. The Magistrate's decision on head injuries was varied from RM50,000 to RM35,000. The second plaintiff was only entitled to claim 20% of damages from the defendants (see para 2).

(2) The magistrate did not err in holding that the plaintiff had a greater duty of care since he was going against the flow of traffic. The first plaintiff failed to warn the first defendant on his presence from the opposite flow of traffic. The first defendant was also liable but it was lower than the plaintiff because the defendant was in the correct lane. To place the standard of care equally was a misdirection. The magistrate did not err in the apportionment of 80% to the plaintiff and 20% to the first defendant (see paras 2 & 5).

(3) A compensation of RM50,000 was too high and RM35,000 was more reasonable and in line with the trend of awards (see para 4).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kemalangan jalan raya secara am, lihat 12(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 2294–2298.

Kes-kes yang dirujuk

Fadzil bin Harun v Mohd Azrul bin Md Ariffin & Anor [2015] 2 MLJ 795; [2015] 2 CLJ 525, MR (dirujuk)

Mohd Fauzi b Rahmat v Balwant Singh a/l Kernail Singh & Anor [2010] 2 PIR [7] (dirujuk)

Mohd Sopian Abd Rahman v Abd Rahim b Hassan Basri & Anor [2010] 1 PIR [4] (dirujuk)

Murugasan a/l Kuppusamy & Anor v Chiew Eng Chai [1999] 4 MLJ 516, MT (dirujuk)

Fazuny bin Mohd Noor (Azhar Fazuny) bagi pihak plaintif.
Maziana bt Husin (Maziana & Assoc) bagi pihak defendan.

Ahmad Bache PK:

[1] Hal rayuan ini:

(a) pihak defendan-defendan tidak berpuashati di atas keputusan Tuan Majistret Kota Bharu ke atas liabiliti dan kuantum yang mana telah diputuskan plaintif pertama bertanggungan 80% dan defendan pertama dan kedua bertanggungan 20% kepada plaintif kedua lalu memfailkan rayuan ini. Kemudian defendan menarik balik rayuan terhadap liabiliti

(b) pihak plaintif-plaintif juga tidak berpuashati dan memfailkan rayuan silang di atas keputusan Tuan Majistret Kota Bharu ke atas liabiliti dan kuantum yang mana telah diputuskan bahawa plaintif pertama bertanggungan 80% dan defendan pertama dan kedua bertanggungan 20% kepada plaintif kedua. Bagaimanapun, plaintif-plaintif menarik balik rayuan ke atas kuantum.

(c) apabila kes ini diteliti, terdapat tiga isu iaitu:

(i) sama ada defendan pertama mempunyai tanggungan berhati-hati (*duty of care*) untuk melihat ke kiri sebelum keluar simpang ke jalan sehala laluannya;

(ii) sama ada jumlah gantirugi am kecederaan RM50,000 bagi 'head injury with post traumatic syndrome, depression with cognitive impairment and benign essentially tremor' yang dibenarkan adalah terlampau tinggi (*manifestly excessive*) dan tidak selari dengan 'trend of awards'; dan

(iii) sama ada plaintif kedua sebagai pembonceng yang tidak bersalah (*innocent passenger*) berhak menuntut ganti rugi 100% daripada

defendan-defendan atau setakat liabiliti defendan-defendan yang diputuskan ie 20%; dan

(d) mengikut versi pihak plaintif pertama, pada 18 Mei 2012, beliau telah menunggang motorsikal sambil diboncengi oleh plaintif kedua dari jalan Melor-Kota Bharu menyeberang jalan melalui kawasan u-turn ke bahu jalan Kota Bharu-Melor menyusur bahu jalan tersebut melawan arah trafik untuk masuk ke simpang Kampung Becah Keranji. Manakala versi defendan pertama pula beliau yang menunggang motorsikal dari arah Kampung Becah Keranji telah berhenti di simpang Kampung Becah Keranji, apabila melihat tiada kenderaan dari arah kanannya beliau telah membelok ke kiri dan telah berlanggar dengan motorsikal yang ditunggangi oleh plaintif pertama.

[2] Keputusan dan alasan kepada keputusan oleh saya:

(a) saya memutuskan bahawa keputusan Tuan Majistret Kota Bharu di atas liabiliti dikekalkan yang mana plaintif pertama menyumbang kecuaian sebanyak 80%, manakala pihak defendan-defendan hanya bertanggungan 20% sahaja, manakala keputusan Tuan Majistret Kota Bharu di atas kuantum bagi kecederaan 'Head injury' diubah dari RM50,000 kepada RM35,000. Saya juga memutuskan bahawa keputusan Tuan Majistret Kota Bharu bahawa plaintif kedua hanya berhak menuntut 20% ganti rugi daripada defendan-defendan kekal;

(b) alasannya ialah, Tuan Majistret Kota Bharu tidak khilaf apabila memutuskan plaintif pertama mempunyai tanggungan berhati-hati yang lebih besar memandangkan beliau sedang melawan arus trafik, yang mana telah dibuktikan melalui saksi pegawai penyiasat, untuk masuk ke simpang. Plaintif pertama gagal memberi amaran kepada defendan pertama tentang kehadirannya dari arah melawan arus trafik. Manakala defendan pertama juga menanggung kecuaian tetapi ianya mesti lebih rendah daripada plaintif kerana defendan pertama dalam laluan sahnya dari simpang ke jalan utama kecuali sahaja defendan pertama tidak melihat ke kiri sebelum keluar simpang. Untuk meletakkan tanggungan berhati-hati secara sama rata dalam keadaan ini adalah suatu silap arah. Tuan Majistret Kota Bharu tidak khilaf dalam pembahagian liabiliti plaintif pertama 80% dan defendan pertama 20%; dan

(c) seterusnya, berkenaan kuantum, perlu diingatkan semula bahawa plaintif-plaintif telah menarik balik rayuannya di atas kuantum. Maka, apa yang saya perlu putuskan adalah rayuan defendan-defendan sama ada ganti rugi kecederaan yang dibenarkan adalah terlampau tinggi (*manifestly excessive*) dan tidak selari dengan 'trend of awards'. Defendan-defendan hanya merayu di atas ganti rugi am RM50,000 bagi kecederaan kepala 'head injury with post traumatic syndrome,

depression with cognitive impairment and benign essentially tremor'. A

[3] Dalam kes *Mohd Sopian Abd Rahman v Abd Rahim b Hassan Basri & Anor* [2010] 1 PIR [4] yang dirujuk oleh plaintif, hakim sesyen membenarkan gantirugi am kecederaan RM45,000 bagi kecederaan 'moderate head injury and polytrauma (note: the plaintiff suffered post traumatic syndrome, cognitive deficits, short and long term memory loss and behavioural changes'. Bagaimanapun, kes tersebut tidak mengemukakan rasional jumlah ganti rugi am kecederaan tersebut dibenarkan. Manakala, dalam kes *Mohd Fauzi b Rahmat v Balwant Singh a/l Kernail Singh & Anor* [2010] 2 PIR [7] pula yang dirujuk oleh plaintif, hakim sesyen membenarkan membenarkan ganti rugi am kecederaan RM80,000 bagi kecederaan 'moderate head injuries and post traumatic stress disorder'. Namun, dalam kes ini dikemukakan rasional jumlah ganti rugi am kecederaan tersebut dibenarkan. Hakim sesyen telah membenarkan jumlah ganti rugi am kecederaan tersebut berdasarkan laporan-laporan pakar pilihan plaintif dan defendan, laporan-laporan pakar psikologi pilihan plaintif dan defendan, serta mengambil kira pengurangan nilai ringgit dan trend semasa. B C D

[4] Sandaran plaintif-plaintif dalam kes di hadapan mahkamah ini berkaitan kecederaan tersebut adalah laporan perubatan daripada Hospital Universiti Sains Malaysia bertarikh 9 Februari 2014 oleh Dr Muhammad Imran Kamarudin menyatakan, antara lain, 'She was diagnosed with post traumatic syndrome and benign essentially tremors'. Manakala dalam surat penjelasan Dr Muhammad Imran Kamarudin bertarikh 31 Mac 2014 pula menyatakan, antara lain, 'All the diagnoses of 'Post traumatic syndrome', 'Depression with cognitive impairment' and 'Benign essential tremor' might be the consequences of the incident but not necessarily the main reason of her symptoms'. Saya berpendapat walaupun tiada laporan pakar pilihan defendan-defendan dan tidak dicabar oleh defendan semasa perbicaraan, perkataan 'might be' tetap kekal sebagai 'might be' dan tidak bertukar kepada 'must be'. Saya bersetuju dengan hujahan defendan bahawa kesan-kesan residual yang dinyatakan dalam laporan perubatan bertarikh 9 Februari 2014 adalah tidak konklusif dan masih berbentuk spekulatif untuk dikaitkan dengan kecederaan plaintif akibat dari kemalangan ini. Oleh yang demikian, saya memutuskan bahawa pampasan RM50,000 untuk kecederaan ini adalah terlalu tinggi dan pampasan RM35,000 untuk kecederaan ini adalah lebih munasabah dan selari dengan 'trend of awards' sebagaimana kes-kes yang dirujuk oleh defendan. E F G H

[5] Bagi isu terakhir, saya juga bersetuju dengan keputusan Tuan Majistret Kota Bharu dan hujahan defendan berkenaan tuntutan balas terhadap plaintif pertama bahawa plaintif kedua sebagai pembonceng yang tidak bersalah (*innocent passenger*) berhak menuntut ganti rugi setakat liabiliti I

defendan-defendan yang diputuskan ie 20%. Dalam kes *Fadzil bin Harun v Mohd Azrul bin Md Ariffin & Anor* [2015] 2 MLJ 795; [2015] 2 CLJ 525, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa:

> (1) Ini bukanlah suatu tuntutan untuk pembahagian liabiliti tetapi tuntutan untuk sumbangan daripada responden pertama yang merupakan pelaku tort bersama. Perayu berhak menuntut sumbangan atau tanggung rugi terhadap responden pertama sehingga 70% gantirugi yang diawardkan terhadap responden kedua. Jumlah ganti rugi tidak dipertikaikan, oleh itu, hakim telah terkhilaf dalam menolak tuntutan balas perayu. Dalam kes tindakan sumbangan, perayu berhak untuk bergantung kepada kuantum gantirugi yang telah dinilai dan tidak dipertikaikan dan meneruskan tuntutan sumbangan berdasarkan nisbah tanggungan yang telah diperintahkan oleh mahkamah.

Kes *Murugasan a/l Kuppusamy & Anor v Chiew Eng Chai* [1999] 4 MLJ 516 juga bermanfaat untuk dipetik, yang mana Abdul Hamid Mohamad J memutuskan bahawa:

> (2) ... sebagai suatu polisi, tiada alasan mengapa seorang defendan seharusnya terpaksa membayar lebih kepada isteri seorang pelaku tort yang lain, mengapa si isteri seharusnya mendapat lebih daripada apa yang si isteri berhak, mengapa defendan seharusnya terpaksa memfailkan suatu tindakan baru terhadap suami tersebut untuk mendapatkan perbezaan tersebut yang menyebabkan kos-kos dan masa yang lebih sementara menghambat doket mahkamah ...

[6] Penutup.

Saya menolak rayuan plaintif terhadap keputusan liabiliti dan rayuan plaintif terhadap tuntutan balas defendan serta membenarkan rayuan defendan terhadap keputusan kuantum bagi kecederaan 'head injury' kepada RM35,000. Kos ditanggung oleh pihak plaintif sebanyak RM2,000.

Rayuan defendan terhadap keputusan kuantum dibenarkan dan rayuan balas plaintif terhadap liabiliti ditolak

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad